

**SOALAN LAZIM DAN JAWAPAN  
PENGECCUALIAN BAYARAN BIL AIR BAGI PARA PELANGGAN YANG TERKESAN INSIDEN  
BANJIR DI NEGERI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR**

- 1. Apakah yang dimaksudkan dengan Pengecualian Bayaran Bil bagi Program Bantuan Selangor Bangkit (BSB) seperti yang diumumkan oleh Menteri Besar Selangor pada 21 Disember 2021?**

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan memberi pengecualian bayaran bil air satu (1) bulan seawal bulan Januari 2022 kepada akaun-akaun domestik yang terkesan berikutan musibah banjir yang melanda Negeri Selangor.

- 2. Siapakah yang layak menerima dan bagaimana boleh memohon?**

Semua pengguna akaun DOMESTIK di kawasan-kawasan yang terjejas akibat banjir akan menerima pengecualian bayaran bil air bagi tempoh satu (1) bulan secara automatik dan mereka tidak perlu mengisi atau menghantar sebarang borang kepada Air Selangor.

- 3. Bagaimana pengguna boleh menyemak sama ada mereka telah menerima pengecualian bayaran bil air bulan tersebut?**

Air Selangor masih berurusan dengan Unit Penyelaras Bencana Banjir Negeri bagi mengenalpasti mangsa-mangsa yang terlibat dalam usaha memberikan pengecualian bayaran bil air. Pengguna boleh layari [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau melalui saluran komunikasi rasmi Air Selangor seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter untuk mendapatkan info terkini yang akan kami kemaskini dari semasa ke semasa.

- 4. Adakah Air Selangor masih mengeluarkan bil air kepada mangsa banjir sedangkan Menteri Besar Selangor telah memaklumkan pengecualian bayaran bil air bagi mangsa banjir?**

Air Selangor tetap mengeluarkan bil air bulanan seperti biasa sama ada secara normal mahupun anggaran di kawasan yang terlibat dengan banjir tetapi untuk satu (1) bulan bil air mereka akan dikecualikan daripada bayaran seperti yang telah dimaklumkan di jawapan bagi soalan nombor 1.

- 5. Saya tidak membayar bil air kepada Air Selangor tetapi kepada pihak *Joint Management Body (JMB)*, bagaimana untuk saya mendapatkan pengecualian bayaran bil air?**

Pengecualian bayaran bil air satu (1) bulan hanya diberikan kepada akaun domestik (Kod Tarif 10). Bagi pengguna domestik selain daripada Kod 10, perlu mendapat pengesahan lanjut daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**6. Pemetongan telah berlaku di rumah saya yang telah dilanda banjir. Bolehkah sambung semula bekalan air tanpa bayaran terlebih dahulu?**

Atas dasar prihatin, Air Selangor boleh menimbangkan membuat penyambungan semula bekalan air sebelum/ tanpa bayaran. Namun demikian, pengguna masih perlu membuat pembayaran tunggakan tersebut.

**7. Saya bukan warganegara Malaysia tetapi rumah saya terlibat dengan banjir, adakah saya layak dapat pengecualian bayaran bil air?**

Layak, tertakluk kepada syarat-syarat seperti di atas.

**8. Saya telah mendapat pengecualian bayaran bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) tetapi apabila saya semak bil air terbaru masih tiada pengecualian. Adakah saya layak?**

Layak, tertakluk kepada syarat-syarat seperti di atas.

**9. Saya adalah penerima Skim Air Darul Ehsan (SADE) dan terlibat dengan banjir. Adakah terdapat pengecualian bayaran bil air juga?**

Penerima SADE masih layak menerima pengecualian bayaran bil air satu (1) bulan sekiranya akaun tersebut dikenalpasti sebagai Kod Tarif domestik. Tetapi hanya jumlah lebihan bil setelah ditolak pelarasan SADE sahaja yang akan dikecualikan.

**10. Di mana boleh saya semak senarai kawasan yang akan mendapat pengecualian bayaran bil air?**

Maklumat senarai kawasan banjir boleh disemak di laman sesawang Air Selangor [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau melalui saluran komunikasi rasmi Air Selangor seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter.

**11. Bil air telah saya terima pada hujung bulan Disember 2021 tanpa pengecualian bayaran bil air. Aktiviti pembersihan akibat banjir telah diselesaikan sebelum bil tersebut diterima. Adakah saya layak untuk mendapat pengecualian bayaran bagi bil Disember 2021 tersebut?**

Pengecualian bayaran bil air hanya diberikan seawal pengebilan bulan Januari 2022 .

**12. Adakah saya akan dikenakan caj meter patah atau hilang disebabkan kejadian banjir pada 17 Disember 2021?**

Kos penggantian meter patah atau hilang akibat banjir akan ditanggung oleh Air Selangor

**13. Apakah tindakan yang perlu saya buat sekiranya tiada rebat air diberikan kepada bil air bulan Januari 2022 sedangkan saya adalah mangsa banjir dan layak menerima pengecualian bayaran bil air**

Pengguna boleh menghubungi pihak Air Selangor saluran-saluran berikut untuk tujuan semakan secara lanjut:

1. Help Centre yang boleh didapati di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) dan aplikasi Air Selangor

2. Hubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300

**14. Jika berlaku bil tinggi pada bulan berikutnya (Februari 2022) adakah pengguna masih dikenakan caj untuk pembayaran bil tersebut atau mendapat pengecualian atau pelarasan?**

Ya, sila berhubung dengan pihak Air Selangor untuk membuat aduan.

**15. Adakah kediaman bertingkat di kawasan banjir yang membuat pembayaran bil air secara terus kepada Air Selangor turut sama dikecualikan daripada bayaran bil air?**

Pengguna domestik selain dari Kod Tarif 10 perlu mendapatkan pengesahan lanjut daripada Kerajaan Negeri Selangor.